

Newspaper	Berita Harian
Date	19/2/2013

## Tun Mahathir gesa generasi muda FELDA hargai jasa BN

BH-19/2/2013

**Kuala Lumpur:** Tun Dr Mahathir Mohamad mengingatkan generasi muda FELDA supaya menghargai kemewahan dinikmati hasil usaha kerajaan Barisan Nasional (BN) yang mahu mengeluarkan rakyat daripada kepompong kemiskinan.

Bekas Perdana Menteri turut menasihati warga FELDA supaya tidak meletakkan harapan kepada pihak yang belum pernah membantu dan tidak mempunyai rekod dalam memacu pembangunan agensi itu.

Katanya, masyarakat FELDA bernasib baik kerana pemimpin yang diberi kuasa oleh penjajah selepas Pilihan Raya Umum 1955 bukan saja prihatin, malah berjaya mengatur strategi cukup berkesan bagi membantu orang Melayu pada masa itu.

"Jika mereka sedar perkara ini, saya yakin mereka akan jadi orang yang tahu bersyukur, tahu mengenang budi dan berterima kasih. Jangan angkuh, kerana akhirnya kita akan jatuh, bersyukurlah dan merendahkan diri barulah kita akan berjaya dan hidup dengan cara yang lebih baik.

"Ada pihak mereka mahu kita tidak berterima kasih (kepada kerajaan) dan kita juga tidak boleh letakkan harapan kepada mereka kerana mereka tidak ada bukti serta rekod pernah menolong peneroka," katanya ketika berucap pada Majlis Bersama Negarawan Ulung anjuran FELDA di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Hadir sama, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Pengerusi FELDA, Tan Sri Mohd Isa Samad serta 3,000 masyarakat FELDA.

### Jangan terpedaya dakyah luar

Dr Mahathir berkata, warga FELDA tidak seharusnya terpengaruh dengan dakyah dari luar yang mempunyai kepentingan peribadi yang turut mengajar supaya tidak berterima kasih dengan kerajaan.

"Kita perlu bertindak secara baik dan bijaksana serta tidak mengikut emosi. Kita sebagai manusia dikurniakan akal fikiran, niat orang cuba untuk merosakkan kita, bukan lain hanya ingin meraih undi saja.

"Mereka kata ambillah RM500 (Bantuan Rakyat 1Malaysia) tapi jangan undi mereka. Tapi ini tak ikut budaya Melayu yang selalu berterima kasih. Kita kena tahu berterima kasih, barulah kita akan selamat dan lebih maju," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir yang juga Presiden Yayasan Keamanan Sedunia Perdana menerima cek bernilai RM200,000 sumbangan FELDA untuk disalurkan kepada Tabung Kemanusiaan Gaza.

**"  
Jangan  
angkuh,  
kerana  
akhirnya kita  
akan jatuh,  
bersyukurlah  
dan  
merendahkan  
diri barulah  
kita akan  
berjaya dan  
hidup dengan  
cara yang  
lebih baik"**

**Dr Mahathir  
Mohamad,  
Bekas Perdana  
Menteri**